

18/10/2003

MMC-Gamuda belum terima pengesahan projek landasan

KONSORTIUM Malaysia Mining Corporation Bhd (MMC)-Gamuda Bhd belum menerima pengesahan daripada kerajaan untuk melaksanakan projek landasan kereta api berkembar Utara-Selatan sepanjang 636 kilometer, Kata Ketua Eksekutif Kumpulan MMC, Datuk Ismail Shahudin.

"Kami belum mendapat apa-apa yang rasmi lagi. Saya tidak boleh komen kerana kami belum mendapat apa-apa secara bertulis," katanya.

"Kami hanya dengar apa yang diperkatakan di akhbar dan apa yang dinyatakan Perdana Menteri," katanya merujuk kepada kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lalu bahawa dua syarikat itu berada dalam senarai untuk mendapatkan kontrak berkenaan.

"Memang benar kami ada membuat bida tetapi kami belum tahu keputusannya," katanya kepada pemberita selepas menandatangani perjanjian bagi membentuk Majlis Perniagaan Malaysia-Lubnan.

Majlis yang berlangsung di luar Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam Antarabangsa (OIC) itu dihadiri Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari Lubnan, Rafic Hariri.

Ismail yang juga adalah Presiden Forum Perniagaan Malaysia berkata, kedua-dua MMC dan Gamuda tidak tahu menahu mengenai keputusan yang sudah diambil kerajaan.

"Masih ada beberapa perkara yang perlu diselesaikan. Saya rasa itulah yang dimaksudkan Perdana Menteri," katanya, merujuk kepada kenyataan Dr Mahathir bahawa ada banyak perincian yang belum diputuskan.

Pada pertengahan tahun lalu, Indian Railway China Construction Co (Ircon) dan China Railway Engineering Corp dilaporkan sudah menerima surat daripada kerajaan bagi melaksanakan projek landasan kereta api berkembar itu.

Ircon pada mulanya dilantik sebagai kontraktor utama bagi grid utara (Padang Besar-Ipoh) manakala China Railway bagi grid selatan (Seremban-Johor Baru).

Bagaimanapun pada Ogos lalu, Perdana Menteri berkata, sebut harga oleh kontraktor asing terlalu tinggi dan meminta mereka menurunkannya.

Mengikut laporan, MMC dan Gamuda membuat bida balas dan berjaya mendapatkan kontrak dengan bida berjumlah RM14.5 bilion, iaitu lebih rendah daripada peruntukan yang ditetapkan oleh kerajaan sebanyak RM17 bilion dan bida terbaik oleh Ircon dan China Railway.

Ismail berkata, MMC dan Gamuda memang mengemukakan bida yang berdaya saing.

Bagaimanapun, beliau enggan mengesahkan laporan bahawa kumpulan MMC-Gamuda mengemukakan bida berjumlah RM14.5 bilion.

"Itu isu sensitif dari segi harga," katanya. - Bernama